



NURAL 'Keluarga Di Sisiku'

BH 5/8/08 M/S 14

# Bentuk harga diri anak

Gerak hati,  
batas diri  
elemen  
penting didik  
generasi  
muda



**S**EBELUM anak saya lahir lagi, saya begitu inginkan pengetahuan mengenai harga diri ketika membesarkan anak. Adakah ia sesuatu yang baik? Saya belum mendapat jawapannya.

Namun, ia menimbulkan banyak persoalan apabila kini saya meninggalkan tugas berkenaan. Adakah situasi itu berjaya saya tangani dengan baik? Sudahkah saya lengkapkan anak-anak saya untuk menghadapi situasi sedemikian? Atau adakah saya menghilangkan keupayaan mereka untuk menyelesaikan masalah kerana saya campur tangan dan menyelesaikannya bagi pihak mereka?

Adakah mereka membesar menjadi insan yang berkeyakinan dalam melayari dunia korporat atau adakah mereka menjadi seorang yang penakut kerana saya tiada masa dan tidak membiarkan mereka mencuba menyelesaikan masalah sendiri? Sekiranya saya membiarkan mereka melakukannya sendiri, adakah mereka berasa dipinggirkan dan tidak mendapat sokongan daripada saya?

Bagaimana agaknya datuk dan nenek saya betah membesarkan anak-anak mereka iaitu ibu dan ayah saya? Apakah mereka sedar menge-

nai isu harga diri kanak-kanak yang biasa diperkatakan hari ini atau mereka hanya mengikut gerak hati? Saya fikir, mengikut gerak hati.

Itulah segalanya menjadi seorang ibu - gerak hati atau naluri. Kita bernasib baik jika memiliki ibu bapa daripada kategori 'yang tahu' kerana mereka pernah mengalaminya, melakukannya dan mereka berjaya melaluinya. Ibu 'yang tahu' mencipta rangka tindakan untuk kita ikuti berdasarkan, ya...gerak hati mereka.

Izinkan saya memper-

kenalkan dua sekutu dalam dunia ibu - gerak hati dan batas diri. Itulah bahagian penting dalam buku panduan keibubapaan peribadi saya yang disimpan dalam benak saya.

Gerak hati adalah perasaan, apabila setiap saraf dalam tubuh memberitahu sama ada saya lakukan perkara yang betul. Namun, sebagai manusia biasa, saya sering mempersoalkannya.

Batas diri pula adalah sesuatu yang saya pelajari. Saya membayangkan kehidupan anak saya umpama gelang-

gang tinju - dunia mereka terbentang luas di tengah-tengah, dipenuhi segala perkara dan semua orang yang mereka kenali. Dan tali di sekeliling gelanggang bersifat fleksibel tetapi kuat. Sayalah tali itu.

Ia menggambarkan rangkaian saya, kasih sayang saya dan perlindungan yang saya berikan setiap hari dengan sentiasa berada di sisi mereka, mendengar, memerhati dan bergembira dengan kehadiran mereka. Akan tiba masanya, mereka akan meneroka sempadan

itu, mengujinya dan melihat sejauh mana mereka bersedia untuk meregang dan saya membiarkan mereka meregangnya.

Tali itu mempunyai darjah fleksibiliti tertentu dan akan memantul kembali dan mengekalkan bentuk asli mereka. Jika tidak, anak saya akan jatuh ke dalam jurang dunia luar tanpa bimbingan, tanpa kasih sayang dan tanpa perlindungan.

Apabila anak-anak saya akhirnya terpaksa meneroka dunia tanpa perlindungan dan tanpa kepastian, saya yakin sudah melengkapinya mereka dengan kemahiran untuk berwaspada dan kebal terhadap sebarang keadaan yang mungkin memudaratkan mereka.

Anak kita perlu sedar pentingnya kedua-dua elemen ini dalam kehidupan. Sikap waspada membantu mereka mempertahankan diri apabila didatangi bahaya dan kekebalan dalaman yang lahir daripada harga diri yang mantap, membolehkan mereka menjadi individu yang memiliki daya pertimbangan kuat untuk menentukan yang mana salah dan mana betul.

Saya berharap anak saya akan membesar tanpa dipengaruhi dan selamat

daripada penyakit sosial dan bencana alam sekitar. Mereka tidak akan mudah mengalah walaupun diancam apa jua bentuk tekanan. Dan, mereka mempunyai keyakinan untuk mengatasi segala kesukaran serta cabaran yang mendatang.

Entiti ini adalah sesuatu yang tidak dapat saya sentuh atau labelkan. Ia adalah tahap kepintaran yang harus dipupuk dalam diri anak sejak mereka masih muda - tahap kepintaran yang berkembang menerusi cara kita menyayangi, menerima dan memelihara anak kita serta keutuhan ikatan antara anggota keluarga.

Oleh Louise Lacey



DIMILIKI keseluruhannya Nutritek Oversea Pte Ltd, Nutritek Group, syarikat antarabangsa yang menggabungkan sumber global dan kepakaran tenusu dengan New Zealand Dairies Ltd.



**CERIA:** Cara pembelajaran yang menyeronokkan membantu kanak-kanak lebih fokus kepada apa yang dibentangkan.



**BERMANFAAT:** Jabatan Bomba dan Penyelamat Putrajaya mengajar kanak-kanak cara menangani kebakaran.

Komitmen kami di NURAL terbukti melalui sokongan kami terhadap komuniti dengan memberikan sokongan di dalam perkembangan emosi dan fizikal anak. Sejak 20 tahun lalu, kami sudah memasarkan produk bayi dan makanan berkhasiat seiring dengan perkembangan dalam bidang saintifik.

Sumber susu kami dihasilkan dari kawasan penternakan yang paling ideal. Rumput dan air di sini sarat dengan kebaikan alam semula jadi hanya di Studholme, South Canterbury Plains, South Island, New Zealand.

Kepercayaan kami terhadap perkembangan dari segi psikologi adalah dengan menggalakkan anak-anak terhadap perlindungan diri. Ini dapat dicapai dengan ikatan kekeluargaan yang kukuh, NURAL "Keluarga Di Sisiku" diharapkan dapat memberi mesej untuk menggalakkan anak agar lebih bijak dalam membuat pilihan dan melindungi diri daripada perkara negatif.